

09 MAR 2002

Mahathir-Disiplin

MT KEKALKAN HUKUMAN TERHADAP 10 ANGGOTA LANGGAR PERATURAN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini mengekalkan hukuman terhadap 10 anggota parti yang dikenakan tindakan oleh Lembaga Disiplin kerana melanggar peraturan parti semasa pemilihan bahagian pada tahun lepas.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, mereka ialah antara 27 anggota parti yang dikenakan hukuman dan telah mengemukakan rayuan kepada Sekretariat Rayuan yang ditubuhkan parti.

Perdana Menteri berkata tujuh anggota lain dibatalkan hukuman mereka sementara baki 10 lagi dikurangkan hukuman masing-masing.

"Saya tidak berhajat untuk memberikan nama orang-orang ini," kata Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat selama kira-kira dua jam di ibu pejabat Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata mereka yang bersalah perlu melepaskan semua jawatan politik yang dipegang dalam parti dan juga semua jawatan kerajaan seperti Exco kerajaan negeri.

Bagaimanapun, beliau berkata bahawa anggota terbabit tidak perlu melepaskan jawatan korporat, umpamanya pengerusi syarikat kerana hukuman itu hanya tertakluk kepada jawatan dalam Umno dan kerajaan.

Dr Mahathir juga berkata : "Walaupun mereka dibicara dan didapati bersalah berkenaan satu kes, umpamanya pertandingan untuk menjadi Ketua Bahagian, tetapi sebelum itu mereka telah menang jawatan Ketua Pemuda atau MT tanpa sebarang tuduhan terhadap mereka, kita berpendapat jawatan politik yang dimenangi sebelum itu juga tertakluk kepada hukuman yang dijatuhkan."

Antara hukuman yang dikenakan oleh Lembaga Disiplin terhadap mereka yang bersalah melanggar tata tertib parti sewaktu pemilihan bahagian ialah digantung hak memilih serta tidak boleh dipilih atau dilantik ke sebarang jawatan dalam parti selama tiga atau enam tahun.

Dr Mahathir tidak pula menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan hukuman yang dikurangkan terhadap 10 orang lagi.

Pada masa yang sama tujuh orang yang dibatalkan hukuman pula sebelum ini diberi amaran oleh Lembaga Disiplin.

Katanya, Sekretariat Rayuan setelah meneliti rayuan mereka dan mendapati kes terhadap kumpulan tujuh orang ini agak ringan.

"Kita mendapati bahawa amaran pun adalah hukuman yang tidak perlu kerana didapati mereka sebenarnya tidak bersalah," katanya.

Beliau berkata MT dengan sebulat suara bersetuju dengan pendekatan dan prinsip yang digunakan sekretariat itu dan memperakui semua keputusan yang dibuatnya.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata MT menetapkan bahawa sayap-sayap dalam Umno iaitu Pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri merupakan tiga entiti yang berlainan.

Oleh sebab itu, katanya, anggota sayap yang berkenaan tidak boleh menyertai lebih daripada satu pergerakan itu.

"Sesiapa yang menjadi anggota Wanita atau Puteri tidak boleh jadi anggota Pemuda. Pemuda tidak boleh jadi anggota Wanita atau Puteri dan Puteri tak boleh jadi anggota wanita," katanya.

Dr Mahathir berkata mereka hanya boleh bertanding untuk merebut jawatan dalam pergerakan masing-masing.

"Mereka juga berhak bertanding untuk jawatan dalam Umno seperti Ketua Bahagian dan jawatan di peringkat cawangan, bahkan di Majlis Tertinggi pun

dia boleh bertanding," katanya.

Mengenai pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Ketari di Pahang, Dr Mahathir berkata Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob dipilih sebagai Pengarah Pilihan Raya Barisan Nasional (BN). Adnan ialah Pengerusi BN Pahang.

-- BERNAMA

MAM MUN MFJ PR